

Keuntungan bersih Scientex meningkat 24.3 peratus

Oleh [Mahanum Abdul Aziz](#) - Jun 20, 2023 @ 3:23pm
mahanum_aziz@bh.com.my



Scientex Bhd

KUALA LUMPUR: Pengeluar pembungkusan global dan pemaju hartanah terkemuka Scientex Bhd mencatatkan peningkatan keuntungan bersih sebanyak 24.3 peratus kepada RM109.8 juta pada suku ketiga berakhir 30 April 2023, berbanding RM88.3 juta pada suku yang sama sebelumnya.

Peningkatan keuntungan bersih itu didorong oleh permintaan kukuh untuk hartanah mampu milik di seluruh pembangunannya di beberapa negeri di Malaysia.

Manakala, pendapatannya dalam suku dikaji kekal stabil pada RM997.1 juta berbanding RM993.8 juta suku sama tahun sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Scientex, Lim Peng Jin, berkata pada suku ketiga 2023, bahagian hartanah memacu pertumbuhan keseluruhan, didorong oleh jualan rumah mampu milik yang lebih tinggi dan kemajuan pembinaan yang sihat di seluruh pembangunan pihaknya di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang.

"Dengan memanfaatkan Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang cekap dan pengalaman yang luas, kami berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk rumah mampu milik di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Peng Jin berkata, bahagian pembungkusan syarikat kekal berdaya tahan dalam menyesuaikan diri dengan cabaran global yang semakin meningkat.

Beliau berkata, sebagai penyedia pembungkusan fleksibel terkemuka, pihaknya bekerjasama dengan jenama multinasional utama untuk menyampaikan penyelesaian yang inovatif dan mampan yang menyokong objektif kemampanan jangka panjang mereka.

"Tambahan pula, kami terus berinovasi dan melabur dalam kategori produk nilai tambah dan mampan untuk meraih peluang pertumbuhan.

"Model teras berkembar kami telah terbukti memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan yang mampan, memastikan kejayaan berterusan dalam pasaran yang kami beroperasi," katanya.

Setakat 30 April 2023, nilai pembangunan kasar (GDV) projek pembangunan yang sedang dijalankan Scientex berjumlah RM3.7 bilion, terdiri terutamanya daripada hartanah kediaman bertanah mampu milik.

Sementara itu, bahagian pembungkusan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM635.4 juta berbanding RM749.7 juta sebelumnya, berikutan permintaan yang sederhana untuk pembungkusan berikutan cabaran dalam persekitaran operasi luaran.